

SERBUK ISPHAGULA

A. APAKAH KEGUNAAN UBAT INI?



- ✚ Ubat ini digunakan merawat sembelit.

B. BAGAIMANA UBAT INI BERTINDAK?

- ✚ Ubat ini merupakan fiber yang membolehkan najis menyerap air untuk mengikat dan melembutkan najis seterusnya memudahkan pergerakan usus untuk menyingkirkannya.

C. BAGAIMANA UBAT INI DIGUNAKAN?

A. CARA MAKAN

- ✚ Makan ubat ini seperti diarahkan oleh doktor.
- ✚ Ubat ini dimakan selepas makan.
- ✚ Ubat ini perlu diambil secara berterusan dan pada waktu yang sama.
- ✚ Bancuh ubat ini dengan air (segelas air bagi setiap paket) sehingga larut dan minum.
- ✚ Ambil ubat ini 30 minit sebelum atau 30 minit selepas ubat-ubatan lain.
- ✚ Elakkan mengambil ubat ini sebelum tidur.



B. JIKA TERLUPA

- ✚ Makan dos yang terlupa sebaik sahaja teringat TETAPI abaikan dos tersebut jika telah hampir masa untuk dos seterusnya.
- ✚ Jangan gandakan dos ubat untuk menggantikan dos yang terlupa.

D. PERINGATAN !!!

➤ **SEBELUM MENGAMBIL UBAT INI**

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- ✚ Mempunyai sejarah alahan dengan ubat ini.
- ✚ Mengambil sebarang ubat, vitamin, produk herba atau makanan kesihatan tambahan, kerana ia mungkin bertindakbalas dengan ubat ini.



➤ **SEMASA MENGAMBIL UBAT INI**

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- ✚ Simptom sembelit semakin teruk/ tidak bertambah baik selepas 3 hari rawatan.
- ✚ Sukar untuk menelan atau sebarang masalah berkaitan kerongkong.
- ✚ Mengalami alahan/alergi kepada ubat ini



E. KESAN SAMPING UBAT

✚ Pesakit mungkin akan mengalami kesan-kesan berikut:

➤ Kembung

✚ Pesakit perlu melaporkan kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya mengalami kesan seperti berikut:

➤ Sakit dada

➤ Muntah

➤ Sukar untuk menelan atau sebarang masalah berkaitan kerongkong.

AMARAN !!

SEKIRANYA

TANDA-

TANDA INI

BERLARUTAN

SILA

RUJUK

DOKTOR

Rujukan:

- <https://www.uhb.nhs.uk/Downloads/pdf/PiFybogel.pdf>
- <https://www.medicines.org.uk/emc/files/pil.1447.pdf>
- <https://www.drugs.com/uk/ispaghula-husk-granules-for-oral-suspension-3-5g-leaflet.html>
-

Sebarang pertanyaan mengenai ubat-ubatan, sila hubungi Jabatan Farmasi, Hospital Universiti Sains
Malaysia. 09-7673000 sambungan:

Unit Farmasi Klinikal dan Maklumat Drug : 3384/3386

Unit Farmasi Pesakit Luar : 3393/3394
